

## APAKAH MARGIN & BAGAIMANAKAH IA BERFUNGSI



Istilah "margin" merujuk kepada dua tahap margin minimum iaitu Margin Awal dan Margin Pengekalan. Margin Awal ialah deposit yang diperlukan sebelum anda mula berdagang, manakala Margin Pengekalan ialah tahap minimum yang anda perlukan dalam akaun perdagangan anda untuk terus memegang kedudukan niaga hadapan anda.

Sebelum anda memulakan perdagangan, broker anda akan mengambil Margin Awal iaitu suatu bentuk cagaran atau bon prestasi yang dikembalikan kepada anda setelah anda menutup semua kedudukan terbuka anda (selepas ditolak yuran transaksi, kerugian dan/atau jumlah yang terhutang kepada broker anda).

Secara amnya, Margin Awal yang ditetapkan oleh Risiko & Pematuhan Bursa Malaysia ialah antara 10% hingga 25% daripada nilai kontrak pendasar, tetapi broker anda mungkin memerlukan lebih daripada margin minimum yang ditetapkan oleh Bursa untuk mengurangkan kekerapan panggilan margin. Margin awal boleh didepositkan dalam bentuk RM atau mata wang lain.

## PENANDAAN KEPADA PASARAN (MTM)

Penandaan kepada pasaran atau penilaian semula akan dibuat setiap hari pada akhir perniagaan berdasarkan harga penyelesaian yang ditetapkan oleh Bursa Malaysia Derivatives Clearing (BMDC) dan akaun anda akan dikreditkan (keuntungan) atau didebitkan (kerugian) dengan sewajarnya.

Sekiranya kedudukan anda mempunyai kerugian yang lebih tinggi daripada tahap Margin Pengekalan, anda akan diminta untuk menambah deposit ke akaun perdagangan anda dalam masa yang ditetapkan. Jika tidak ia mungkin mengakibatkan pembubaran paksa.



Sebaliknya, jika kedudukan anda menghasilkan keuntungan, anda mungkin dibenarkan mengeluarkan dana yang berlebihan daripada akaun perdagangan anda hingga ke tahap Margin Pengekalan.

## CONTOH KADAR MARGIN:

TARIKH: 12 Februari 2019

PEKELILING PENJELASAN: 3/2019

### BURSA MALAYSIA DERIVATIVES CLEARING BERHAD

GABUNGAN KOMODITI	SPAN Julat Imbasan Harga (RM)	SPAN Julat Imbasan Turun Naik (%)	Perubahan Bulan Terkini (RM)	Sebaran Bulan Terkini (RM/ pasangan)	Sebaran Bulan Belakang (RM/ pasangan)	Minimum Opsyen Singkat (RM)
CPO	4000	5	500	-	1200	50
PKO	4000	-	500	-	1200	-
KLI	4000	5	-	500	450	50
M70	900	-	-	200	100	-



## DI MANAKAH KADAR MARGIN BOLEH DIDAPATI?

ANDA BOLEH RUJUK KEPADA PAUTAN DI BAWAH UNTUK MENGETAHUI KADAR MARGIN TERKINI:

[https://www.bursa.com.my/trading\\_resources/derivatives/circulars](https://www.bursa.com.my/trading_resources/derivatives/circulars)

\*KLIK PADA CHANGE IN PERFORMANCE BOND / MARGIN RATE



\*Sila ambil perhatian, margin awal yang ditetapkan oleh Risiko dan Pematuhan Bursa Malaysia akan berubah dari semasa ke semasa bergantung pada keadaan pasaran\*

### NOTA

#### PANGGILAN MARGIN

- Panggilan Margin berlaku apabila broker menuntut pedagang untuk mendeposit wang tambahan atau sekuriti tambahan supaya nilai akaun margin berada pada margin pengekal minimum. Ini akan berlaku apabila nilai akaun berada di bawah nilai minimum yang diperlukan oleh broker.

#### PENANDAAN KEPADA PASARAN (MTM)

- MTM melibatkan perekodan harga sekuriti untuk mencerminkan nilai pasaran semasa bagi kedudukan niaga hadapan.



Penafian:

"Maklumat yang disediakan dalam risalah ini adalah untuk tujuan umum sahaja. Maklumat yang terkandung bukanlah nasihat undang-undang, kewangan, perdagangan atau pelaburan. Anda dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat bebas dan/atau merujuk pada undang-undang, peraturan dan kaedah yang berkaitan sebelum membalas atau mengambil sebarang tindakan berdasarkan maklumat dalam risalah ini. Bursa Malaysia dan anak-anak syarikatnya termasuk Bursa Malaysia Derivatives Berhad tidak menerima apa-apa liabiliti walau apapun yang timbul, termasuk apa-apa liabiliti yang timbul daripada apa-apa keputusan yang dibuat atas dasar maklumat ini."